



SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

KEBERSAMAAN DALAM KEBERKATAN: PTPTN RAIKAN ANAK YATIM DAN ASNAF

1. Setiap tahun Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak pernah lupa untuk membantu golongan yang kurang bernasib baik ketika menyambut Ramadan dan Syawal melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR). Sebagai tanda keprihatinan dan komitmen terhadap masyarakat yang memerlukan, PTPTN hari ini telah mengadakan Program Raikan Syawal PTPTN bersama Anak-Anak Yatim dan Asnaf.
2. Program ini merupakan program tahunan PTPTN sejak tahun 2016 bagi membantu dan menyantuni anak-anak yang kurang bernasib baik dalam menyambut Ramadan dan Syawal. Pada tahun 2025, program ini melibatkan dua (2) aktiviti iaitu program membeli belah baju raya dan berbuka puasa. Pada 9 Mac 2025, PTPTN telah meraikan 50 orang penerima sumbangan yang terdiri daripada anak-anak yatim dan asnaf sekitar kawasan Bukit Gelugor dengan aktiviti membeli baju raya bertempat di Aeon Queensbay Mall, Pulau Pinang. Manakala pada hari ini, PTPTN meraikan anak-anak yatim dan asnaf daripada Pertubuhan Kebajikan Nasyiatul Aisyiyah (PKNA) di majlis berbuka puasa yang diadakan di Hotel Royale Chulan, Pulau Pinang.
3. Program ini telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim, Pengurus PTPTN. Turut hadir Encik Azhar bin Ahmad, Ketua Pegawai Kewangan PTPTN, Puan Rohani Hussainsa, Pengasas dan Pengurus Pertubuhan Kebajikan Nasyiatul Aisyiyah (PKNA), Encik Muhammad Muhsin Abdul Rahman, Pengarah Negeri Pejabat PTPTN Negeri Pulau Pinang dan Pengurusan PTPTN.
4. Selain menikmati juadah berbuka puasa yang disediakan, PTPTN turut menyampaikan sumbangan berjumlah RM2,400.00 kepada 24 anak-anak yatim dan asnaf dengan setiap orang menerima RM100.00 dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime. YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim turut memberikan sumbangan peribadi kepada 24 anak-anak yatim dan asnaf tersebut. Selain itu, setiap penerima sumbangan juga mendapat beg sekolah dan kuih raya.

5. Penggerusi PTPTN, YBhg. Dato' Seri Norliza Abdul Rahim berkata, "PTPTN sentiasa melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat dalam memastikan bantuan dan sokongan diberikan kepada mereka yang memerlukan. Aktiviti membeli baju raya dan berbuka puasa ini merupakan inisiatif PTPTN dalam memberi peluang kepada anak yatim dan golongan asnaf untuk merasai kemeriahinan Ramadan bersama-sama dalam suasana yang penuh kasih sayang dan kebersamaan sekali gus dapat meraikan Syawal yang bakal menjelma seperti anak-anak yang lain."
6. "PTPTN berharap melalui program tanggungjawab sosial korporat, lebih ramai lagi yang tampil untuk turut sama berkolaborasi membantu golongan yang memerlukan. Bulan Ramadan adalah bulan penuh keberkatan yang memupuk sifat keprihatinan dan saling membantu antara satu sama lain. Inisiatif sebegini dapat memberi keceriaan dan semangat kepada mereka yang memerlukan, serta mengingatkan kita semua akan pentingnya menjaga nilai-nilai kemanusiaan dalam kehidupan sehari-hari," tambah beliau.
7. PTPTN sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan terus komited dalam meningkatkan pelaksanaan program-program CSR demi pembangunan anak bangsa selari dengan moto PTPTN, Peluang Kejayaan Anda dan *tagline* PTPTN Prihatin : Kami Kongsi, Kami Bantu.

Diedarkan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
10 Mac 2025**

Untuk pertanyaan daripada pihak media, sila hubungi Puan Rina Abd Rahman (019 - 3888 733) atau Puan Hasliza Abdul Latiff (019 - 354 2388)